

# I-Huffaz pemangkin generasi huffaz USIM

## Peristiwa

HARI ini ramai pelajar lepasan maahad tahfiz yang mempunyai kelayakan menyambung pelajaran di universiti dalam negara. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) adalah antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang menjadi pilihan dan tumpuan golongan huffaz untuk menyambung pengajian di peringkat ijazah.

Sehingga kini, lebih 130 pelajar hafiz sedang mengikuti pengajian di USIM dalam Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan yang paling ramainya ialah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS).

Menurut Dekan Fakulti, **Prof. Madya Dr. Adnan Mohamed Yusoff**, FPQS USIM menawarkan kepada pelajarinya subjek berkaitan al-Quran seperti Qiraat amali, Tajwid, Braille al-Quran dan tidak ketinggalan hafazan al-Quran. Dengan itu pelajar hafiz mampu meneruskan kesinambungan pengajanan hafazan mereka.

Tambahnya lagi, pihak FPQS dengan kerjasama Institut Kefahaman Quran

dan Sunnah (IQ) telah mengambil tanggungjawab memberi galakkan para pelajar menjaga hafazan al-Quran dengan mengadakan satu skim yang dipanggil i-Huffaz.

Ia merupakan suatu skim berbentuk insentif yang disediakan oleh universiti kepada semua warganya yang menghafaz Quran bukan sahaja sebagai suatu bentuk pengiktirafan kepada mereka, bahkan juga sebagai suatu bentuk dorongan kepada mereka untuk membudayakan penghayatan Quran dalam kehidupan setiap warga kampus ini.

"Tahun ini merupakan tahun kedua i-Huffaz diadakan dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan.

"Bagi menjayakannya, satu jawatankuasa di kalangan pensyarah dalam bidang al-Quran ditubuhkan bagi menguji hafazan pelajar yang bakal menerimanya," jelas Dr. Adnan.

Pengarah IQ, **Prof. Madya Dr. Muhammad Mustaqim Mohd. Zarif** berkata, sebelum para pelajar dianugerahkan dengan skira ini, mereka akan melalui proses saringan dan pengujian untuk memastikan penerima skim ini merupakan mereka yang benar-benar layak sahaja dan

menepati kehendak dan objektif yang didasarkan.

Untuk Skim i-Huffaz kali kedua, seramai 17 pelajar telah berjaya dan layak dianugerahkan Skim i-Huffaz dalam tiga kategori iaitu kategori hafalan juz Amma (RM500), kategori hafalan 15 juzuk (RM2,000) dan kategori hafalan 30 juzuk (RM3,000).

Selain skim itu, pihak IQ juga giat merencana beberapa projek dan program yang bersifat rentas disiplin dan pengintegrasian ilmu dalam usaha untuk memasyarakatkan Quran dan Sunnah dan meletakkannya sebagai titik pusat kehidupan manusia.

Lazimnya, penganugerahan kepada huffaz yang berjaya dalam hafazan, diadakan oleh pihak jabatan agama di setiap negeri.

USIM juga telah melangkah ke hadapan sebagai perintis iaitu dengan memberi anugerah kepada pelajar yang cemerlang dalam hafazan.

Anugerah itu amat perlu memandangkan golongan huffaz perlu mengikuti pelajaran seperti pelajar lain di fakulti dan pada masa sama, mereka juga perlu menjaga hafazan yang telah mereka ikuti di peringkat diploma dahulu.



SEBAHAGIAN 17 penerima Skim i-Huffaz kali kedua bergambar kenangan pada satu majlis penyampaian, baru-baru ini.